

Bil. S 98

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

**PERINTAH INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI, 2010**

SUSUNAN BAB-BAB

**Bab**

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Penubuhan dan pemerbadanan.
4. Salinan statut dll. hendaklah disimpan di pejabat Institut.
5. Institut sebagai badan korporat.
6. Perlembagaan Institut.
7. Kuasa dan matlamat Institut.
8. Kuasa am untuk menjalankan urusan.
9. Hak, liabiliti dan obligasi Institut.
10. Meterai biasa Institut.
11. Majlis dan Senat Institut.
12. Fakulti, Pusat dan Sekolah Institut.
13. Menjalankan pengajian, bersesama dll. dengan mana-mana universiti dll.
14. Jawatankuasa dan perwakilan kuasa.
15. Pegawai dan kakitangan akademik.
16. Peperiksaan.
17. Kuasa untuk menganugerahkan ijazah, diploma dll.
18. Bantuan.

19. Penerbitan saham dll.
20. Akaun dan penyata kewangan.
21. Pengauditan akaun.
22. Kegagalan memberi maklumat kepada juruaudit.
23. Pengemukaan penyata kewangan dan laporan juruaudit kepada Menteri Kewangan.
24. Laporan tahunan.
25. Pengambilan tanah bagi maksud-maksud Institut.
26. Pengecualian dari cukai harta pusaka.
27. Pemberian kepada Institut dikecualikan dari cukai pendapatan.
28. Pengenaan S 1/05 kepada badan-badan pelajar.
29. Perlaksanaan perbuatan dll. yang dilakukan sebelum tarikh permulaan kuatkuasa.
30. Aturan-aturan.

**JADUAL – PERLEMBAGAAN INSTITUT**

---

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI, 2010

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Institut Teknologi Brunei, 2010 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri Pendidikan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk menubuhkan dan memperbadankan Institut Teknologi Brunei bagi maksud untuk menyediakan, menggalakkan dan mengembangkan pendidikan tinggi dalam semua cabang pembelajaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Perintah ini dan bagi maksud-maksud lain yang berkaitan atau berhubung dengannya".

**Tafsiran.**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"Perlembagaan" bermakna Perlembagaan Institut yang terkandung dalam Jadual;

"Institut" bermakna universiti yang dikenali sebagai Institut Teknologi Brunei yang ditubuhkan di bawah bab 3(1);

"Menteri" bermakna Menteri Pendidikan.

**Penubuhan dan pemerbadanan.**

3. (1) Adalah dengan ini ditubuhkan sebuah institusi pendidikan tinggi, yang mempunyai taraf sebuah universiti, yang dikenali dengan nama dan gelaran "Institut Teknologi Brunei" dan dengan nama dan gelaran itu menjadi suatu badan korporat yang kekal turun temurun.

(2) Penubuhan Institut adalah bagi maksud untuk menyediakan, menggalakkan dan mengembangkan pendidikan tinggi dalam bidang kejuruteraan, perniagaan, teknologi maklumat dan komunikasi dan apa-apa

bidang lain sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Majlis dan juga untuk membuat peruntukan bagi penyelidikan dan pengumpulan dan peningkatan pengetahuan dan penyebaran pengetahuan itu dalam bidang pengajian yang tersebut di atas.

{3} Tapak Institut adalah terletak di Institut Teknologi Brunei, Tungku Link, Gadong, BE1410 Negara Brunei Darussalam dan ini adalah alamat penyampaianya bagi semua notis dan semua jenis perhubungan bertulis yang lain.

{4} Semua notis dan perhubungan bertulis yang lain hendaklah, jika ditinggalkan di pejabat yang dijaga dan diselenggarakan di bawah ceraiian {3}, dianggap sebagai telah disampaikan atau dihantar kepada Institut atau pegawai atau pihak berkuasa yang kepadanya notis dan perhubungan bertulis yang lain itu mungkin telah ditujukan.

**Salinan statut dll. hendaklah disimpan di pejabat Institut.**

4. Institut hendaklah menyimpan di pejabat yang disebutkan dalam bab 3{3} satu salinan setiap statut, peraturan atau dokumen semasa lain yang dikehendaki untuk disiarkan di bawah Perintah ini atau Perlembagaan, dan hendaklah menyediakannya pada setiap waktu yang munasabah untuk diperiksa oleh orang ramai dan, jika sebarang buku atau salinan-salinan dokumen dikehendaki tersedia, di bawah Perintah ini atau Perlembagaan, untuk dibeli oleh orang ramai, buku-buku atau salinan-salinan tersebut hendaklah tersedia untuk dibeli di pejabat itu atau di suatu tempat lain di dalam Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Institut.

**Institut sebagai badan korporat.**

5. Institut hendaklah menjadi suatu badan korporat yang kekal turun temurun dan mempunyai kuasa dan autoriti penuh –

(a) untuk mendakwa dan didakwa atas nama badan korporatnya;

(b) untuk mempunyai dan menggunakan suatu meterai biasa dan dari masa ke semasa boleh memecahkan, menukar, mengubah dan membuat baru meterai itu sebagaimana yang difikirkannya patut;

(c) bagi maksud-maksud Perintah ini dan Perlembagaan dan tertakluk kepada statut-statut, dan peraturan-peraturan, untuk membeli sebarang harta dan untuk mengambil, menerima dan memegang sebarang harta tersebut yang mungkin menjadi terletakhak padanya menurut sebarang pembelian tersebut, atau melalui sebarang pertukaran, pemberian, derma, pajakan, pemberian berwasiat atau pun selainnya;

(d) untuk menjual, menggadaijanji, memajakkan, menukar atau pun selainnya melupuskan sebarang harta tersebut;

(e) untuk memindah hak, menyerah hak, menyerahkan balik, memulangkan, mencagarkan, menjual, menggadaijanji, memajakkan, menukar, mendemis, menghapuskan, menyerah hak semula, memindah milik atau pun selainnya melupuskan, atau menguruskan, apa-apa perihalan sebarang harta atau apa-apa kepentingan ke atasnya yang terletak pada Institut; dan

(f) untuk menjalankan dan melaksanakan, menurut peruntukan-peruntukan Perintah ini, Perlembagaan, statut-statut dan peraturan-peraturan, semua kuasa dan kewajipan yang diberikan atau dikenakan kepada Institut oleh peruntukan-peruntukan tersebut.

#### **Perlembagaan Institut.**

6. (1) Institut hendaklah mempunyai Perlembagaannya sendiri untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkenaan dengan tujuan penubuhan dan pemerbadanannya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, Institut hendaklah dikawal oleh peruntukan-peruntukan Perlembagaan.

(3) Menteri boleh, setelah berunding dengan Majlis dan dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, meminda Perlembagaan.

(4) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Perlembagaan tidak boleh dianggap sebagai undang-undang tambahan.

#### **Kuasa dan matlamat Institut.**

7. (1) Kuasa-kuasa Institut adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh dan tertakluk kepada Perintah ini dan Perlembagaan Institut.

(2) Matlamat-matlamat Institut adalah —

(a) untuk menyediakan pengajaran dan latihan dalam kejuruteraan, perniagaan, teknologi maklumat dan komunikasi dan apa-apa bidang lain sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Majlis;

(b) untuk membantu melalui penyelidikan dan cara lain bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan penggunaannya secara praktikal; dan

(c) untuk menggalakkan pertukaran ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam perniagaan dan industri.

(3) Institut boleh —

(a) menyediakan kemudahan bagi pelajar-pelajarnya sebagaimana yang dianggapnya mustahak;

(b) mengadakan jawatan pensyarah dan jawatan dan kedudukan lain dan membuat lantikan dan menggaji kakitangan lain sebagaimana yang dianggapnya perlu;

(c) menetapkan, menuntut dan menerima fee dan bayaran lain;

(d) memberi perkhidmatan teknikal dan perunding kepada perniagaan dan industri sebagaimana yang dianggapnya perlu;

(e) menubuhkan atau mengambil bahagian dalam penubuhan syarikat atau perusahaan lain yang mempunyai matlamat-matlamat sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Majlis;

(f) meminta dan menerima derma dan sumbangan dari mana-mana sumber atau mendapatkan wang dengan segala cara yang sah;

(g) menghulurkan derma dan sumbangan kepada mana-mana orang atau organisasi; dan

(h) melakukan semua perkara sebagaimana yang mungkin perlu, bersampingan atau berfaedah bagi mencapai semua atau mana-mana matlamatnya.

#### **Kuasa am untuk menjalankan urusan.**

8. Institut hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, mempunyai kuasa untuk melakukan apa-apa perkara, dan untuk membuat apa-apa urusan, yang pada pendapatnya dikira memudahkan penunaian kewajipan-kewajibannya dengan sewajarnya atau perlaksanaan tugas-tugasnya atau perjalanan kuasa-kuasanya di bawah Perintah ini atau berfaedah atau bersampingan dengannya.

#### **Hak, liabiliti dan obligasi Institut.**

9. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini dan Perlembagaan, semua hak, liabiliti dan obligasi berkenaan dengan apa-apa perkara yang sejurus sebelum tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini menjadi tanggungjawab Institut Teknologi Brunei hendaklah pada tarikh itu diturunkan kepada Institut.

**Meterai biasa Institut.**

10. (1) Meterai biasa Institut adalah meterai sebagaimana yang mungkin diluluskan oleh Canselor atas sokongan Majlis dan meterai itu boleh dengan cara yang sama dari masa ke semasa dipecahkan, diubah dan dibuat baru.

(2) Meterai biasa Institut hendaklah disimpan dalam jagaan Pendaftar dan Setiausaha.

(3) Meterai biasa Institut tidak boleh dibubuh pada sebarang suratcara kecuali di hadapan —

(a) Naib Canselor;

(b) seorang ahli lain Majlis,

yang akan menandatangani nama-nama mereka dalam suratcara itu sebagai tanda yang menunjukkan bahawa meterai itu telah dibubuh di hadapan mereka dan tandatangan tersebut adalah keterangan yang mencukupi bahawa meterai itu telah dibubuh dengan sempurna dan sepatutnya dan bahawa meterai itu adalah meterai Institut yang sah.

(4) Dengan tidak menghiraukan cerai (3) —

(a) dalam hal skrol ijazah, diploma dan ijazah lain yang lebih tinggi, meterai biasa Institut hendaklah dibubuh; dan

(b) dalam hal skrol sijil dan kepujian akademik lain, meterai biasa Institut hendaklah dibubuh padanya di hadapan seorang pegawai yang diberi kuasa oleh Naib Canselor.

(5) Meterai biasa Institut hendaklah diberikan pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

(6) Sebarang dokumen atau suratcara yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan badan korporat, tidak perlu dimeterai, boleh disempurnakan dengan cara yang sama oleh Institut dengan syarat bahawa dokumen atau suratcara tersebut hendaklah disempurnakan bagi pihak Institut oleh mana-mana pegawai atau kakitangan yang diberi kuasa pada amnya atau khususnya oleh Majlis.

**Majlis dan Senat Institut.**

11. (1) Majlis, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini dan Perlembagaan, adalah badan pentadbir tertinggi Institut dan hendaklah mentadbir harta dan mengendalikan urusan Institut.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini dan Perlembagaan dan kawalan kewangan Majlis, Senat hendaklah mengawalselia semua perkara berkenaan dengan pendidikan di dalam Institut.

(3) Tiada perbuatan atau ketetapan Majlis atau Senat boleh menjadi tidak sah hanya kerana sebarang kekosongan dalam, atau sebarang kecacatan dalam kelayakan atau lantikan mana-mana ahli, mana-mana badan itu.

**Fakulti, Pusat dan Sekolah Institut.**

12. (1) Hendaklah ada sebilangan dan nama-nama Fakulti, Pusat dan Sekolah sebagaimana yang mungkin ditubuhkan oleh Majlis atas sokongan Senat dan ditetapkan oleh statut.

(2) Institut boleh, setelah berunding dengan Lembaga Pengajian, menubuhkan jabatan atau unit atau badan lain berkaitan dengan mana-mana Fakulti, Pusat atau Sekolah dan melantik seorang ketua jabatan, unit atau badan bagi Fakulti, Pusat atau Sekolah tersebut dengan kuasa-kuasa sebagaimana yang mungkin diberikan oleh Majlis.

(3) Majlis boleh, atas sokongan Senat, menubuhkan, membubarkan atau menubuhkan semula Fakulti, Pusat atau Sekolah tersebut dan mana-mana jabatan, pusat, unit atau subbahagiannya yang lain masing-masing sebagaimana yang mungkin dianggapnya mustahak.

(4) Lembaga sesebuah Fakulti, Pusat atau Sekolah hendaklah bertanggungjawab kepada Senat bagi menyusun pengajaran dalam program pengajian dalam bidang kuasa Fakulti, Pusat atau Sekolah itu, mengikut mana yang berkenaan, dan boleh menjalankan tugas-tugas lain sebagaimana yang mungkin diberikan kepadanya oleh statut atau peraturan.

(5) Keanggotaan Lembaga sesebuah Fakulti, Pusat atau Sekolah adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh statut.

**Menjalankan pengajian, bersesama dll. dengan mana-mana universiti dll.**

13. (1) Institut boleh, dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Menteri —

(a) menjalankan sebarang kursus pengajian secara bersesama atau bersama dengan, secara bergabung, secara usaha sama atau dengan cara francais atau pun selainnya, dengan mana-mana universiti, kolej universiti, institut, institusi pendidikan tinggi atau badan profesional lain atau mana-mana organisasi, di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam; dan



(b) menjalankan sebarang kursus pengajian tersebut sama ada seluruhnya atau sebahagiannya di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam.

(2) Kebenaran Menteri di bawah ceraiian (1) boleh diberikan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Menteri.

(3) Menteri tidak boleh memberi kebenaran di bawah ceraiian (1) melainkan jika dia berpuas hati bahawa Institut telah membuat semua penyusunan yang perlu dengan universiti, kolej universiti, institut, institusi pendidikan tinggi atau badan profesional lain, atau organisasi yang berkenaan bagi penjalanan kursus pengajian itu.

(4) Dalam bab ini, "secara bergabung" termasuk penjalanan program pengurniaan kembar, artikulasi atau bersama.

#### **Jawatankuasa dan perwakilan kuasa.**

14. (1) Majlis, Senat dan Naib Canselor boleh menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa sebagaimana yang mereka fikirkan patut.

(2) Melainkan jika diperuntukkan dengan nyata selainnya, mana-mana jawatankuasa boleh terdiri sebahagiannya daripada orang-orang yang bukan ahli Majlis atau Senat atau pegawai-pegawai Institut, mengikut mana yang berkenaan.

(3) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini dan Perlembagaan, Majlis, Senat dan Naib Canselor boleh, dengan atau tanpa syarat-syarat sebagaimana yang mereka fikirkan patut, mewakilkan sebarang kuasa dan kewajipan mereka kepada mana-mana jawatankuasa.

#### **Pegawai dan kakitangan akademik.**

15. (1) Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Penolong Naib Canselor dan Pendaftar dan Setiausaha dan pegawai-pegawai lain Institut hendaklah dilantik menurut Perlembagaan.

(2) Kakitangan akademik Institut adalah dekan-dekan Fakulti, pensyarah-pensyarah dan orang lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan sebagai ahli-ahli kakitangan akademik oleh Perlembagaan dan hendaklah dilantik oleh Majlis atas sokongan Naib Canselor.

(3) Kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan pegawai dan ahli kakitangan akademik, tempoh mereka memegang jawatan dan syarat-syarat jawatan yang mereka pegang dan gaji mereka adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh Perintah ini, Perlembagaan dan terma-terma lantikan mereka masing-masing; tetapi Majlis boleh memberikan kepada mana-mana pegawai, dan dalam hal mana-mana ahli kakitangan akademik atas sokongan Naib Canselor, kuasa-kuasa

dan kewajipan-kewajipan tambahan sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Majlis.

**Peperiksaan.**

16. Semua peperiksaan yang diadakan dan dijalankan oleh Institut hendaklah dijalankan dengan cara sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Perlembagaan dan sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

**Kuasa untuk menganugerahkan ijazah, diploma dll.**

17. Institut hendaklah mempunyai kuasa —

(a) untuk mengurniakan ijazah, diploma dan sijil dan kepujian akademik lain sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Perlembagaan; dan

(b) untuk menyediakan kuliah dan pengajaran bagi orang-orang yang bukan pelajar berdaftar sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Institut, dan untuk mengurniakan diploma, sijil dan kepujian akademik lain kepada orang itu.

**Bantuan.**

18. (1) Menteri hendaklah menyebabkan untuk dibayar kepada Institut wang-wang sebagaimana yang mungkin diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan dari masa ke semasa sebagai bantuan kepada Institut.

(2) Semua wang yang dibayar kepada Institut di bawah ceraihan (1) boleh digunakan atau dibelanjakan oleh Institut untuk mencapai semua atau sebarang matlamat Institut.

**Penerbitan saham dll.**

19. Disebabkan perletakan hak sebarang harta, hak atau liabiliti Kerajaan pada Institut di bawah Perintah ini, atau disebabkan sebarang penyuntikan modal atau pelaburan lain oleh Kerajaan dalam Institut menurut sebarang undang-undang bertulis, Institut hendaklah menerbitkan saham-saham atau sekuriti-sekuriti lain kepada Menteri Kewangan sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri itu.

**Akaun dan penyata kewangan.**

20. (1) Majlis hendaklah menyebabkan supaya perakaunan yang betul dan rekod lain disimpan mengenai transaksi kewangan Institut dan hendaklah melakukan semua perkara yang perlu untuk memastikan bahawa semua pembayaran dari wang-wang Institut dibuat dengan betul dan dibenarkan dengan

sepatutnya dan bahawa kawalan yang mencukupi diselenggarakan ke atas aset-aset, atau dalam jagaan, Institut dan ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh Institut.

(2) Majlis hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas penutup setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya penyata kewangan berkaitan dengan tahun itu disediakan dan dikemukakan kepada juruaudit Institut.

**Pengauditan akaun.**

21. (1) Akaun-akaun Institut hendaklah diaudit oleh Juruaudit Agung atau juruaudit lain sebagaimana yang mungkin dilantik pada tiap-tiap tahun oleh Menteri setelah berunding dengan Juruaudit Agung.

(2) Seseorang itu tidaklah layak untuk dilantik sebagai seorang juruaudit di bawah ceraihan (1) melainkan jika dia adalah seorang juruaudit syarikat yang dibenarkan di bawah Akta Syarikat (Penggal 39).

(3) Ganjaran juruaudit itu hendaklah dibayar dari dana Institut.

(4) Juruaudit itu atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya adalah berhak pada setiap masa yang munasabah untuk mendapat akses penuh dan bebas kepada semua perakaunan dan rekod lain berhubung dengan, secara langsung atau tidak langsung, transaksi kewangan Institut dan boleh membuat salinan, atau ciptaan dari, sebarang perakaunan dan rekod lain tersebut.

(5) Juruaudit itu hendaklah dalam laporannya menyatakan —

(a) sama ada penyata kewangan menunjukkan dengan sewajarnya transaksi kewangan dan keadaan urusan Institut;

(b) sama ada perakaunan yang betul dan rekod lain telah disimpan, termasuk rekod semua aset Institut sama ada dibeli, didermakan atau pun selainnya;

(c) sama ada penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan pengambilan dan pelupusan aset oleh Institut dalam tahun kewangan adalah menurut peruntukan-peruntukan Perintah ini; dan

(d) perkara-perkara lain yang timbul dari pengauditan yang dianggapnya perlu.

(6) Juruaudit itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh setelah akaun-akaun tersebut dikemukakan untuk diaudit, menghantar suatu laporan mengenai pengauditannya kepada Majlis dan hendaklah juga mengemukakan laporan berkala dan laporan khas kepada Menteri dan Majlis yang mungkin pada

pendapatnya diperlukan atau sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Menteri atau Majlis.

**Kegagalan memberi maklumat kepada juruaudit.**

22. (1) Juruaudit itu atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya boleh menghendaki mana-mana orang untuk memberi kepadanya maklumat yang ada dalam milikan orang itu atau maklumat yang kepadanya orang itu mempunyai akses sebagaimana yang dianggap perlu oleh juruaudit itu atau orang yang diberi kuasa olehnya bagi maksud tugas-tugasnya di bawah Perintah ini.

(2) Mana-mana orang yang tanpa sebab yang munasabah gagal mematuhi sebarang kehendak juruaudit itu di bawah ceraiian (1) atau yang selainnya menghalang, mengadang atau melengahkan juruaudit itu dalam melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau menjalankan kuasa-kuasanya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$1,000.

**Pengemukakan penyata kewangan dan laporan juruaudit kepada Menteri Kewangan.**

23. (1) Majlis hendaklah, sebaik sahaja penyata kewangan telah diaudit menurut peruntukan-peruntukan Perintah ini, menghantar kepada Menteri Kewangan satu salinan penyata kewangan yang telah diaudit itu, yang ditandatangani oleh Pengerusi, berserta dengan satu salinan laporan juruaudit.

(2) Jika Juruaudit Agung bukan juruaudit Institut, satu salinan penyata kewangan yang telah diaudit dan sebarang laporan yang dibuat oleh juruaudit hendaklah dikemukakan kepada Juruaudit Agung apabila penyata kewangan dan laporan itu dikemukakan kepada Majlis.

(3) Menteri hendaklah dengan seberapa segera yang boleh menyebabkan supaya satu salinan penyata kewangan yang telah diaudit dan laporan juruaudit dihadapkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

**Laporan tahunan.**

24. (1) Majlis hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas penghujung setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya disediakan dan dihantar kepada Menteri suatu laporan yang berhubungan pada amnya dengan aktiviti-aktiviti Institut dalam tahun kewangan yang lalu dan mengandungi maklumat berkenaan dengan prosiding dan dasar Institut sebagaimana yang mungkin diarahkan, dari masa ke semasa, oleh Menteri.

(2) Menteri hendaklah dengan seberapa segera yang boleh menyebabkan supaya satu salinan setiap laporan itu dihadapkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

**Pengambilan tanah bagi maksud-maksud Institut.**

25. (1) Jika sebarang harta tak alih, bukannya tanah Kerajaan, diperlukan bagi maksud-maksud Institut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh jika difikirkan patut oleh Baginda mengarahkan supaya harta itu diambil dan dalam hal tersebut harta itu boleh diambil menurut peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang berkaitan dengan pengambilan tanah bagi suatu tujuan awam dan sebarang pengisytiharan yang dikehendaki di bawah sebarang undang-undang bertulis tersebut bahawa harta itu adalah diperlukan demikian boleh dibuat walaupun pampasan dibayar dari dana Institut, dan pengisytiharan tersebut hendaklah berkuatkuasa seolah-olah ia adalah suatu pengisytiharan bahawa tanah itu adalah diperlukan bagi suatu tujuan awam yang dibuat menurut undang-undang bertulis tersebut.

(2) Perbelanjaan dan pampasan berkaitan dengan sebarang harta tak alih yang diambil di bawah ceraiian (1) hendaklah dibayar oleh Institut atau dari dana yang diperuntukkan oleh Kerajaan kepada Institut bagi tujuan tersebut.

(3) Semua tanah Kerajaan yang diberikan atau harta tak alih yang diambil di bawah bab ini hendaklah terletak pada Institut, dan suatu catatan bagi maksud itu dalam daftar yang betul hendaklah dibuat oleh pihak berkuasa pendaftaran yang berkenaan.

**Pengecualian dari cukai harta pusaka.**

26. Tiada cukai harta pusaka boleh dibayar berkaitan dengan jumlah sebarang pewasiatian kepada Institut, dan nilai harta yang berpindah dengan kematian si-mati hendaklah dianggap tidak termasuk jumlah pewasiatian tersebut bagi maksud menetapkan kadar cukai harta pusaka.

**Pemberian kepada Institut dikecualikan dari cukai pendapatan.**

27. Institut hendaklah dianggap sebagai sebuah institusi khairat bagi maksud-maksud bab 10(1)(f) dari Akta Cukai Pendapatan (Penggali 35).

**Pengenaan S 1/05 kepada badan-badan pelajar.**

28. (1) Dengan tidak menghiraukan apa-apa yang bertentangan dalam Perintah Pertubuhan, 2005 (S 1/2005), peruntukan-peruntukan Perintah itu hendaklah berkuatkuasa berkenaan dengan Persatuan Pelajar Institut Teknologi Brunei, badan-badan konstituennya, badan-badan pelajar yang lain dan Persatuan Alumni yang ditubuhkan menurut Perlembagaan.

(2) Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, mengecualikan Persatuan Pelajar Institut Teknologi Brunei, mana-mana badan konstituennya, mana-mana badan pelajar

yang lain atau Persatuan Alumni dari semua atau sebarang peruntukan Perintah Pertubuhan, 2005 (S 1/2005), tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu.

**Perlaksanaan perbuatan dll. yang dilakukan sebelum tarikh permulaan kuatkuasa.**

29. Apa-apa jua yang dilakukan, sebarang harta yang diambil dan sebarang lantikan yang dibuat untuk, oleh atau bagi pihak Institut sebelum tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini hendaklah, pada dan selepas tarikh itu, dianggap telah dibuat untuk, oleh atau bagi pihak Institut yang ditubuhkan oleh bab 3.

**Aturan-aturan.**

30. Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, boleh membuat aturan-aturan pada amnya bagi maksud-maksud Perintah ini dan boleh dalam aturan-aturan tersebut —

(a) mengadakan peruntukan bagi pelaksanaan apa-apa amanah oleh Institut;

(b) mengecualikan dari peruntukan-peruntukan bab 3 dari Akta Setem (Penggali 34) sebarang suratcara yang dikatakan telah disempurnakan di bawah peruntukan-peruntukan bab 43 dari Perlembagaan; dan

(c) pada amnya membuat peruntukan-peruntukan sebagaimana yang mungkin perlu kerana penubuhan Institut.

**JADUAL**  
**PERLEMBAGAAN INSTITUT**

**Bab**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

1. Gelaran dan matlamat.
2. Tafsiran.
3. Pindaan Perlembagaan.

**BAHAGIAN II**

**INSTITUT**

4. Kuasa-kuasa Institut.
5. Penerimaan masuk pelajar atau lantikan kakitangan.

**BAHAGIAN III**

**PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA INSTITUT**

6. Canselor.
7. Pro-Canselor.
8. Naib Canselor.
9. Timbalan Naib Canselor.
10. Penolong Naib Canselor.
11. Pendaftar dan Setiausaha, Ketua Perpustakaan, Bendahari dan Ketua Estet.
12. Pegawai-pegawai utama yang lain.

**BAHAGIAN IV**

**PIHAK-PIHAK BERKUASA INSTITUT**

13. Pihak-pihak berkuasa.
14. Majlis.
15. Kuasa-kuasa Majlis.
16. Senat.
17. Fakulti, Pusat dan Sekolah.
18. Lantikan ketua dan timbalan ketua institusi dan ketua jabatan atau program pengajaran.
19. Lembaga Pengajian.
20. Lembaga Pemilihan bagi pensyarah-pensyarah.
21. Lembaga Pemilihan bagi lantikan-lantikan lain.
22. Lembaga Kebajikan Pelajar.
23. Persatuan Alumni.
24. Tempoh memegang jawatan bagi ahli-ahli pihak berkuasa.
25. Mesyuarat.
26. Kuasa untuk mengawalselia prosiding.

**BAHAGIAN V**

**STATUT-STATUT DAN PERATURAN-PERATURAN**

27. Statut-statut.
28. Prosedur bagi membuat, meminda atau membatalkan statut-statut.
29. Peraturan-peraturan.
30. Prosedur bagi membuat, meminda atau membatalkan peraturan-peraturan.
31. Peraturan-peraturan bagi prosedur Majlis dan Senat.



32. Peruntukan-peruntukan tata tertib.
33. Penyiaran statut dan peraturan.
34. Ketidakselarasan antara Perlembagaan, statut-statut dll.

#### **BAHAGIAN VI**

#### **PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN**

35. Jawatankuasa Tetap Kewangan.
36. Menyediakan anggaran dan tahun kewangan.
37. Anggaran tahunan.
38. Anggaran tambahan.
39. Tiada perbelanjaan boleh dilakukan melainkan jika termasuk dalam anggaran.
40. Bentuk anggaran.
41. Kuasa Majlis untuk menerima pemberian dll.
42. Harta yang diberikan bagi maksud-maksud tertentu hendaklah dimasukkan dalam akaun yang berasingan.
43. Bentuk kontrak.
44. Dividen dilarang.
45. Audit.

#### **BAHAGIAN VII**

#### **PELAJAR-PELAJAR INSTITUT**

46. Penerimaan masuk pelajar.
47. Persatuan Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar.
48. Penubuhan badan pelajar lain.
49. Perbuatan yang dilakukan oleh pelajar terhadap Perlembagaan, statut atau peraturan Institut.

50. Perbuatan *ultra vires* yang dilakukan oleh badan pelajar terhadap perlembagaannya sendiri, Perlembagaan, statut atau peraturan Institut.
51. Penggantungan dan pemecatan pelajar yang dituduh melakukan kesalahan jenayah atau yang terhadapnya kesalahan jenayah dibuktikan.
52. Penguasa tata tertib berkaitan dengan pelajar.

#### BAHAGIAN VIII

#### AM

53. Konvokesyen.
54. Peruntukan-peruntukan tata tertib dan penguasa tata tertib berkaitan dengan kakitangan Institut.
55. Lantikan pensyarah dan pekerja.
56. Semua lantikan hendaklah tertakluk kepada Perintah ini dan sebarang undang-undang tambahan di bawahnya.
57. Kuasa untuk mewakili.
58. Perlucutan ijazah dll. atas alasan salah laku.
59. Pertikaian tentang pemilihan hendaklah diputuskan oleh Canselor.

**JADUAL**

**PERINTAH INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI, 2010  
(bab 6)**

**PERLEMBAGAAN INSTITUT**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Gelaran dan matlamat.**

1. (1) Jadual ini boleh digelar sebagai Perlembagaan Institut Teknologi Brunei yang dibuat di bawah bab 6 dari Perintah Institut Teknologi Brunei, 2010.

(2) Matlamat Perlembagaan ini adalah untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan tujuan penubuhan dan pemerbadanan Institut Teknologi Brunei dan bagi tujuan-tujuan lain yang berkaitan atau berhubung dengannya.

**Tafsiran.**

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"Persatuan Alumni" bermakna Persatuan yang dibentuk dan ditubuhkan menurut bab 23;

"pihak berkuasa" bermakna mana-mana pihak berkuasa Institut yang disebut dalam bab 13 dan termasuk mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan oleh statut;

"Bendahari" bermakna Bendahari Institut;

"kursi" bermakna jawatan profesor;

"Canselor" bermakna Canselor Institut dan termasuk mana-mana orang lain dengan nama apa pun juga disebut, yang telah dilantik sebagai Ketua Institut dan "Pro-Canselor" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

"Konvokesyen" bermakna suatu konvokesyen yang diadakan menurut bab 53;

"Majlis" bermakna Majlis Institut yang ditubuhkan menurut bab 14;

"Fakulti" bermakna sebuah Fakulti yang ditubuhkan di bawah bab 17;

"institusi" bermakna sebuah Fakulti, Pusat atau Sekolah atau badan lain yang ditubuhkan di bawah bab 17;

"pensyarah" bermakna seseorang yang dilantik menjadi pensyarah oleh Majlis menurut Perintah ini, dan termasuk seorang professor, profesor madya, pensyarah kanan, pensyarah atau penolong pensyarah;

"Pegawai utama" bermakna Canselor, Pro-Canselor, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Penolong Naib Canselor, Dekan Fakulti, Ketua Pusat atau Sekolah, Pendaftar dan Setiausaha, Ketua Perpustakaan, Bendahari, Ketua Estet atau pemegang mana-mana jawatan yang diwujudkan oleh statut dan diberikan taraf sedemikian;

"Pendaftar dan Setiausaha" bermakna Pendaftar dan Setiausaha Institut;

"peraturan" bermakna sebarang peraturan yang dibuat menurut peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini atau mana-mana statut;

"Senat" bermakna Senat Institut yang ditubuhkan menurut bab 16;

"statut" bermakna mana-mana statut yang dibuat menurut Perlembagaan ini.

(2) Sebutan-sebutan dalam Perlembagaan ini kepada suatu bab adalah sebutan-sebutan kepada suatu bab Perlembagaan ini.

### **Pindaan Perlembagaan.**

3. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh meminda sebarang peruntukan Perlembagaan ini atau mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang dari sebarang peruntukan tersebut.

## **BAHAGIAN II**

### **INSTITUT**

#### **Kuasa-kuasa Institut.**

4. (1) Institut hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, mempunyai kuasa-kuasa yang berikut —

(a) untuk menyediakan kursus pengajaran, mengadakan peperiksaan, membuat peruntukan bagi penyelidikan, dan mengambil langkah-langkah lain sebagaimana yang mungkin didapati perlu atau mustahak bagi meningkatkan dan menyebarkan ilmu pengetahuan;

(b) untuk menganugerahkan ijazah, diploma dan sijil, termasuk ijazah, diploma dan sijil luaran, kepada orang-orang yang telah mengikuti kursus-kursus pengajian yang diluluskan oleh Institut dan telah memenuhi kehendak-kehendak lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh statut atau peraturan;

(c) untuk mengiktiraf ijazah, diploma dan sijil daripada institusi-institusi pengajian tinggi yang lain bagi maksud penerimaan masuk untuk mengikuti kursus-kursus dan menduduki peperiksaan-peperiksaan Institut dan penganugerahan ijazah-ijazah yang lebih tinggi kepada pemegang-pemegang ijazah, diploma atau sijil tersebut atau kepada siswazah-siswazah Institut atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh statut atau peraturan;

(d) untuk menganugerahkan ijazah kepada pensyarah-pensyarah Institut yang telah memenuhi kehendak-kehendak sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh statut atau peraturan;

(e) untuk menganugerahkan ijazah kehormat kepada orang-orang yang telah memberi sumbangan terhadap peningkatan dan penyebaran ilmu pengetahuan atau yang telah menyumbangkan perkhidmatan awam yang cemerlang;

(f) untuk memberi sijil kepada orang-orang yang telah mencapai kemahiran dalam mana-mana bidang atau bidang-bidang ilmu pengetahuan;

(g) untuk mengadakan kursi-kursi, jawatan-jawatan pensyarah, dan kedudukan dan jawatan lain, dan membuat lantikan-lantikan mengenainya;

(h) untuk menubuhkan percetakan Institut dan menerbitkan buku-buku dan bahan-bahan lain;

(i) untuk mendirikan, melengkapkan dan menyelenggara perpustakaan, makmal, muzium, dewan kuliah, bangunan tempat tinggal dan semua bangunan lain yang dikehendaki bagi maksud-maksud Institut;

(j) untuk mengadakan dan menganugerahkan fellowship, biasiswa, tunjangan, dermasiswa, pingat, hadiah dan gelaran, penghormatan, anugerah lain dan bentuk bantuan lain bagi meningkatkan dan menyebarkan ilmu pengetahuan;

(k) untuk membuat pelaburan dalam harta tanah atau sekuriti wang-wang yang mungkin terletak padanya bagi maksud derma kekal, sama ada bagi maksud-maksud am atau khas, atau wang-wang lain yang mungkin tidak diperlukan segera bagi perbelanjaan semasa, dengan kuasa dari masa ke semasa untuk mengubah sebarang pelaburan tersebut dan menandatangani

apa-apa wang yang pada masa itu tidak dilaburkan dalam mana-mana bank sama ada dalam deposit tetap atau akaun semasa;

(l) untuk membuat kontrak, melantik kakitangan dan menubuhkan amanah sebagaimana yang mungkin dikehendaki bagi maksud-maksud Institut;

(m) untuk melantik, menaikkan pangkat dan mendisiplinkan pegawai-pegawai, pensyarah-pensyarah dan kakitangan Institut;

(n) untuk mengawalselia syarat-syarat perkhidmatan kakitangan Institut, termasuk skim perkhidmatan, tangga gaji, cuti dan tata tertib tertakluk kepada peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain;

(o) untuk mengawalselia dan mengadakan peruntukan bagi tempat tinggal pegawai-pegawai, pensyarah-pensyarah, kakitangan dan pelajar-pelajar Institut dan kebajikan dan tata tertib pegawai-pegawai, pensyarah-pensyarah, kakitangan dan pelajar-pelajar;

(p) untuk menuntut dan menerima bayaran sebagaimana yang mungkin dari masa ke semasa ditetapkan oleh Majlis;

(q) untuk melakukan semua perbuatan dan perkara, sama ada bersampingan dengan kuasa-kuasa yang tersebut di atas atau tidak sebagaimana yang mungkin perlu bagi memperbaiki lagi pengajaran, penyelidikan dan perkembangan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan tata tertib di Institut; dan

(r) untuk menubuhkan dan mengurus dananya sendiri.

(2) Jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berpuas hati bahawa adalah perlu untuk mengurniakan suatu ijazah kehormat kepada seorang pembesar luar negeri, maka atas arahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Institut hendaklah mengurniakan ijazah tersebut.

#### **Penerimaan masuk pelajar atau lantikan kakitangan.**

5. Institut hendaklah mematuhi arahan sebagaimana yang mungkin diberikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berhubung dengan penerimaan masuk pelajar-pelajar atau lantikan kakitangan Institut dan arahan tersebut boleh termasuk cadangan jumlah tempat atau lantikan Institut sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi orang-orang yang merupakan rakyat Negara Brunei Darussalam.

BAHAGIAN III

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA INSTITUT

**Canselor.**

6. (1) Hendaklah ada seorang Canselor dan dia adalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(2) Canselor hendaklah menjadi Ketua Institut dan hendaklah mempunyai tugas-tugas yang berikut —

(a) untuk mengengeruskan mesyuarat Majlis dan sebarang konvokesyen Institut;

(b) untuk menerima suatu laporan tahunan mengenai Institut daripada Naib Canselor;

(c) untuk menerima laporan-laporan khas sebagaimana yang mungkin dikemukakan oleh Majlis; dan

(d) untuk menjalankan kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan sebagaimana yang mungkin diberikan kepada Baginda oleh Perlembagaan ini atau mana-mana statut atau peraturan.

**Pro-Canselor.**

7. (1) Canselor boleh melantik seorang atau lebih sebagai Pro-Canselor.

(2) Jika atas sebarang sebab Canselor tidak dapat menjalankan sebarang tugas Baginda di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana statut atau peraturan, Baginda boleh memberi kuasa kepada mana-mana Pro-Canselor untuk menjalankan tugas-tugas tersebut bagi pihak Baginda.

(3) Tiap-tiap Pro-Canselor hendaklah memegang jawatan selama tempoh selagi diperkenankan oleh Canselor.

**Naib Canselor.**

8. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah melantik seorang Naib Canselor bagi Institut.

(2) Naib Canselor hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif dan akademik Institut.

(3) Adalah menjadi kewajipan Naib Canselor —

*(a)* untuk memastikan bahawa peruntukan-peruntukan Perlembagaan dan statut-statut dan peraturan-peraturan dipatuhi, dan dia hendaklah mempunyai semua kuasa sebagaimana yang mungkin perlu bagi maksud ini, dan khususnya, untuk memastikan bahawa tiap-tiap pihak berkuasa atau jawatankuasa sentiasa bertindak menurut kuasa atau bidang tugasnya; dan

*(b)* untuk menjalankan, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, penyeliaan am ke atas penyusunan bagi pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan tatatertib di Institut, dan untuk menjalankan kuasa-kuasa lain sebagaimana yang mungkin diberi kepadanya oleh Perlembagaan ini dan mana-mana statut atau peraturan.

(4) Tempoh memegang jawatan dan syarat-syarat lain perkhidmatan bagi Naib Canselor hendaklah ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, selepas berunding dengan Majlis, dan Institut hendaklah terikat dengannya.

(5) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini atau mana-mana statut atau peraturan, Naib Canselor hendaklah menjadi pengerusi kerana jawatan bagi tiap-tiap pihak berkuasa Institut.

#### **Timbalan Naib Canselor.**

9. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, selepas berunding dengan Naib Canselor, melantik seorang Timbalan Naib Canselor atau lebih.

(2) Mana-mana orang yang layak dan sesuai dari dalam atau luar Institut boleh dilantik sebagai seorang Timbalan Naib Canselor, dan tempoh memegang jawatan dan syarat-syarat lain perkhidmatan bagi seorang Timbalan Naib Canselor hendaklah ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, selepas berunding dengan Majlis dan Institut hendaklah terikat dengannya.

(3) Kewajipan-kewajipan seorang Timbalan Naib Canselor hendaklah ditetapkan oleh Naib Canselor atau oleh Perlembagaan ini atau mana-mana statut atau peraturan.

(4) Jika Naib Canselor tidak dapat menjalankan sebarang tugas jawatannya oleh sebab sakit, bercuti atau sebarang sebab lain, penyusunan yang berikut hendaklah dikenakan —

*(a)* jika Naib Canselor telah dilantik atas sifat kerana jawatan, orang yang memangku atau melaksanakan tugas-tugas sifat kerana jawatan itu hendaklah dianggap sebagai memangku jawatan Naib Canselor;



(b) jika Naib Canselor telah dilantik atas nama, Timbalan Naib Canselor, jika dilantik, atau, jika ada lebih daripada seorang Timbalan Naib Canselor, salah seorang daripada mereka sebagaimana yang mungkin dinamakan oleh Naib Canselor hendaklah menjalankan tugas-tugas tersebut; dan sekiranya Timbalan Naib Canselor atau semua Timbalan Naib Canselor (jika ada lebih daripada seorang) tidak ada atau tidak berupaya atau jika Timbalan Naib Canselor tidak dilantik, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah, selepas berunding dengan Menteri Pendidikan, membuat penyusunan sementara sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Baginda bagi menjalankan tugas-tugas Naib Canselor.

**Penolong Naib Canselor.**

10. Majlis boleh melantik seorang Penolong Naib Canselor atau lebih atas syarat-syarat perkhidmatan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis.

**Pendaftar dan Setiausaha, Ketua Perpustakaan, Bendahari dan Ketua Estet.**

11. Majlis hendaklah melantik seorang Pendaftar dan Setiausaha, seorang Ketua Perpustakaan, seorang Bendahari dan Ketua Estet, yang akan menjadi pegawai-pegawai utama sepenuh masa Institut dan yang akan mempunyai kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh statut.

**Pegawai-pegawai utama yang lain.**

12. Institut boleh melantik pegawai-pegawai utama yang lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh statut.

**BAHAGIAN IV**

**PIHAK-PIHAK BERKUASA INSTITUT**

**Pihak-pihak berkuasa.**

13. (1) Pihak-pihak berkuasa Institut adalah Majlis, Senat, Lembaga Pengajian, Lembaga Institusi, Lembaga Pemilihan, Lembaga Kebajikan Pelajar, dan badan-badan lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh statut.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, keanggotaan, kuasa-kuasa dan prosedur pihak-pihak berkuasa hendaklah ditetapkan oleh statut.

**Majlis.**

14. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada –

(a) seorang pengerusi, yang akan dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;

(b) seorang timbalan pengerusi yang akan dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;

(c) Naib Canselor;

(d) sebilangan orang sebagaimana yang mungkin dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atas nasihat Naib Canselor;

(e) seorang yang dipilih oleh Senat daripada kalangan ahli-ahlinya selain daripada Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor;

(f) Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan atau wakilnya;

(g) Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan yang bertanggungjawab bagi pendidikan tinggi atau wakilnya;

(h) Setiausaha Tetap Kementerian-Kementerian lain atau wakil-wakil mereka masing-masing sebagaimana yang mungkin dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, selepas berunding dengan pengerusi Majlis;

(i) Peguam Negara atau wakilnya;

(j) Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam atau wakilnya; dan

(k) seorang wakil Persatuan Alumni yang dipilih daripada kalangan ahli-ahlinya dengan syarat bahawa wakil tersebut bukan seorang anggota kakitangan sepenuh masa Institut.

(2) Pendaftar dan Setiausaha hendaklah menjadi setiausaha kepada Majlis.

(3) Timbalan pengerusi hendaklah bertindak sebagai pengerusi Majlis semasa ketiadaan pengerusi.

(4) Semasa ketiadaan pengerusi dan juga timbalan pengerusi dalam mana-mana mesyuarat Majlis, seorang ahli Majlis yang dipilih oleh ahli-ahli yang hadir dalam mesyuarat tersebut hendaklah mempengerusikan mesyuarat tersebut.

(5) Kecuali sebagaimana yang mungkin ditetapkan selainnya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, tempoh memegang jawatan bagi pengerusi, timbalan pengerusi dan ahli-ahli Majlis yang dilantik di bawah ceraiian (1)(d) dan (h) adalah 3 tahun, yang dikira mulai dari tarikh mereka dilantik masing-masing.

(6) Tempoh memegang jawatan bagi ahli-ahli Majlis yang dipilih di bawah ceraiian (1)(e) dan (k) adalah 2 tahun, yang dikira mulai dari tarikh mereka dipilih masing-masing.

(7) Seorang Timbalan Naib Canselor atau Penolong Naib Canselor boleh menghadiri mesyuarat-mesyuarat Majlis tetapi tidak mempunyai undi.

#### **Kuasa-kuasa Majlis.**

15. Majlis adalah badan eksekutif Institut dan boleh menjalankan semua kuasa yang diberikan kepada Institut, kecuali setakat mana kuasa-kuasa itu diberikan oleh Perlembagaan ini atau statut-statut dan peraturan-peraturan kepada pihak berkuasa atau badan lain atau kepada pegawai lain Institut —

Dengan syarat bahawa —

(a) tiada ketetapan boleh diluluskan oleh Majlis berhubung dengan sebarang perkara di bawah kuasa-kuasa Senat melainkan jika Senat telah diberikan peluang terlebih dahulu untuk menyatakan dan menghantar pendapatnya kepada Majlis mengenai perkara itu; dan

(b) tiada ahli Majlis yang merupakan seorang anggota kakitangan pengajar (selain daripada seorang pegawai utama) boleh mengambil bahagian dalam prosiding Majlis apabila Majlis mengadakan perbincangan atau membuat keputusan tentang lantikan, kenaikan pangkat dan perkara-perkara lain berhubung dengan perkhidmatan mana-mana anggota kakitangan pengajar.

#### **Senat.**

16. (1) Senat hendaklah terdiri daripada —

(a) Naib Canselor, yang akan menjadi pengerusi;

(b) Timbalan-Timbalan Naib Canselor, jika dilantik;

(c) Penolong-Penolong Naib Canselor;

(d) ketua-ketua institusi;

(e) Dekan Hal Ehwal Pelajar;

(f) Ketua Perpustakaan;

(g) Timbalan-Timbalan Dekan atau timbalan-timbalan ketua institusi;

(h) seorang wakil profesor sepenuh masa bagi setiap institusi, tidak termasuk profesor pelawat, yang dipilih oleh profesor-profesor institusi yang berkenaan, yang akan memegang jawatan selama 2 tahun jika layak tetapi adalah layak untuk dilantik semula —

Dengan syarat bahawa jika seorang profesor sudah menjadi ahli senat kerana jawatan, profesor itu tidaklah layak untuk mengambil bahagian dalam pemilihan wakil tersebut; dan

(i) orang lain atas nama atau atas jawatan sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh statut atau dilantik oleh Senat, selepas berunding dengan Naib Canselor, memegang jawatan bagi tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Senat.

(2) Naib Canselor boleh melantik seorang Timbalan Naib Canselor atau seorang Penolong Naib Canselor untuk menggantikannya sebagai pengerusi dalam sebarang mesyuarat Senat jika Naib Canselor tidak dapat menghadiri mesyuarat tersebut —

Dengan syarat bahawa jika Timbalan Naib Canselor atau Penolong Naib Canselor tidak dapat menghadiri mesyuarat tersebut, maka Naib Canselor boleh melantik mana-mana ahli Senat untuk menggantikannya sebagai pengerusi.

(3) Pendaftar dan Setiausaha hendaklah menjadi setiausaha kepada Senat.

(4) Senat adalah badan akademik Institut dan, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, statut-statut dan peraturan-peraturan, hendaklah mempunyai kawalan dan arahan am ke atas pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan, dan penganugerahan ijazah, diploma dan sijil.

(5) Dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan, tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawabnya, Senat boleh mewakilkan sebarang kewajipan, tugas dan tanggungjawabnya kepada ahli-ahlinya atau sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada ahli-ahlinya.

#### **Fakulti, Pusat dan Sekolah.**

17. (1) Institut hendaklah dibahagikan kepada sebilangan dan beberapa nama Fakulti, Pusat dan Sekolah sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh statut.

(2) Institut boleh, selepas berunding dengan Lembaga Pengajian, menubuhkan jabatan-jabatan, atau unit-unit atau badan-badan lain berkaitan dengan mana-mana Fakulti, Pusat atau Sekolah.

(3) Lembaga sesebuah Fakulti, Pusat atau Sekolah hendaklah bertanggungjawab kepada Senat bagi menyusun pengajaran matapelajaran pengajian dalam bidang kuasa Fakulti, Pusat atau Sekolah itu, mengikut mana yang berkenaan, dan boleh menjalankan tugas-tugas lain sebagaimana yang mungkin diberikan kepadanya oleh statut atau peraturan.

(4) Keanggotaan Lembaga sesebuah Fakulti, Pusat dan Sekolah adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh statut.

**Lantikan ketua dan timbalan ketua institusi dan ketua jabatan atau program pengajaran.**

18. (1) Tertakluk kepada mana-mana statut, Naib Canselor hendaklah, selepas berunding dengan Majlis, melantik —

(a) seorang Dekan berkaitan dengan setiap Fakulti dan, jika perlu, sekurang-kurangnya seorang Timbalan Dekan;

(b) seorang ketua berkaitan dengan sesebuah Pusat atau Sekolah dan, jika perlu, sekurang-kurangnya seorang timbalan ketua, yang akan digelar dengan nama sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh statut atau peraturan; dan

(c) seorang ketua berkaitan dengan setiap jabatan atau program pengajaran jika jabatan atau program pengajaran itu ditubuhkan di sesebuah Fakulti, Pusat atau Sekolah.

(2) Dekan sesebuah Fakulti atau ketua sesebuah Pusat atau Sekolah hendaklah menjadi pengerusi Lembaga Fakulti, Pusat atau Sekolah itu, mengikut mana yang berkenaan.

(3) Dekan sesebuah Fakulti atau ketua sesebuah Pusat atau Sekolah atau ketua jabatan atau program pengajaran hendaklah bertanggungjawab bagi menyusun pengajaran kursus-kursus atau matapelajaran-matapelajaran yang termasuk di bawah bidang kuasa Fakulti, Pusat, Sekolah atau jabatan atau program pengajaran itu, mengikut mana yang berkenaan, dan hendaklah menjalankan tugas-tugas lain sebagaimana yang mungkin diberikan kepadanya oleh statut atau peraturan atau sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Naib Canselor.

(4) Semasa ketiadaan Dekan sesebuah Fakulti atau ketua sesebuah Pusat atau Sekolah, kerana bercuti atau sebarang sebab lain, maka adalah sah bagi Timbalan Dekan atau timbalan ketua atau, jika ada lebih daripada seorang Timbalan Dekan atau timbalan ketua, salah seorang daripada mereka sebagaimana yang mungkin dinamakan oleh Naib Canselor, untuk menjalankan sebarang tugas Dekan Fakulti itu atau ketua Pusat atau Sekolah itu, mengikut mana yang berkenaan.

{5} Dekan atau Timbalan Dekan sesebuah Fakulti atau ketua atau timbalan ketua sesebuah Pusat atau Sekolah atau ketua sesebuah jabatan atau program pengajaran yang dilantik di bawah ceraihan (1), mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dilantik bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun tetapi adalah layak untuk dilantik semula.

{6} Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan ceraihan (5), Naib Canselor boleh, selepas berunding dengan Majlis, membatalkan sebarang lantikan yang dibuat di bawah bab ini tanpa memberikan sebarang sebabnya.

{7} Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan lain bab ini, Naib Canselor boleh, sementara menunggu sebarang lantikan dibuat oleh Majlis di bawah ceraihan (1), melantik mana-mana orang untuk menjalankan tugas-tugas Dekan atau Timbalan Dekan sesebuah Fakulti atau ketua atau timbalan ketua sesebuah Pusat atau Sekolah atau ketua sesebuah jabatan atau program pengajaran, mengikut mana yang berkenaan.

#### **Lembaga Pengajian.**

19. Lembaga Pengajian, yang terdiri daripada seorang pengerusi dan orang lain yang sesuai di dalam dan di luar Institut, boleh dilantik oleh Senat bagi maksud-maksud yang berikut —

(a) untuk menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan mana-mana Fakulti, Pusat atau Sekolah; dan

(b) untuk menimbangankan cadangan-cadangan yang dirujuk kepada Senat bagi penubuhan sebuah Fakulti, Pusat atau Sekolah baru.

#### **Lembaga Pemilihan bagi pensyarah-pensyarah.**

20. (1) Lembaga Pemilihan bagi pensyarah-pensyarah hendaklah, tertakluk kepada mana-mana statut, terdiri daripada —

(a) Naib Canselor, yang akan menjadi pengerusi.

(b) pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau wakilnya;

(c) Dekan Fakulti atau ketua Pusat atau Sekolah yang berkenaan;

(d) seorang ahli Senat yang dilantik oleh Senat; dan

(e) Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam atau wakilnya.

(2) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan ceraiian (1), Naib Canselor boleh membenarkan Timbalan Naib Canselor untuk menggantikannya sebagai pengerusi dalam sebarang mesyuarat Lembaga Pemilihan yang telah diadakan untuk mengisi sesuatu lantikan selain dari lantikan ke suatu kursi.

(3) Penglibatan pakar-pakar luar dalam membuat lantikan boleh ditetapkan oleh statut.

**Lembaga Pemilihan bagi lantikan-lantikan lain.**

21. Keanggotaan Lembaga Pemilihan bagi lantikan-lantikan selain dari pensyarah-pensyarah adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh statut.

**Lembaga Kebajikan Pelajar.**

22. (1) Maka dengan ini ditubuhkan Lembaga Kebajikan Pelajar yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan orang-orang lain sebagaimana yang mungkin dilantik oleh Naib Canselor.

(2) Lembaga Kebajikan Pelajar hendaklah mempunyai kuasa-kuasa sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh statut.

**Persatuan Alumni.**

23. (1) Tertakluk kepada kebenaran Majlis, adalah sah bagi siswazah-siswazah Institut yang ramainya tidak kurang daripada 30 orang untuk membentuk dan menubuhkan sebuah persatuan yang akan dikenali sebagai Persatuan Alumni.

(2) Persatuan Alumni hendaklah dikawal dan ditadbir menurut perlembagaannya dan aturan-aturan yang dibuat olehnya dan tiada perlembagaan dan aturan-aturan yang dibuat itu atau sebarang pindaannya boleh berkuatkuasa melainkan jika dan sehingga kebenaran mengenainya diperolehi terlebih dahulu daripada Majlis.

**Tempoh memegang jawatan bagi ahli-ahli pihak berkuasa.**

24. (1) Kecuali sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Perlembagaan ini atau oleh mana-mana statut, tempoh memegang jawatan bagi seseorang yang dipilih atau dilantik sebagai ahli suatu pihak berkuasa, melainkan ahli kerana jawatan, adalah 3 tahun —

Dengan syarat bahawa —

(a) jika orang itu dipilih atau dilantik kerana dia memegang suatu jawatan atau adalah seorang ahli sesuatu pihak berkuasa atau badan lain, dia hendaklah terhenti daripada menjadi seorang ahli pihak berkuasa tersebut jika sebelum habis tempohnya memegang jawatan dia terhenti daripada

memegang jawatan itu atau terhenti daripada menjadi seorang ahli pihak berkuasa atau badan tersebut;

(b) jika orang itu dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sebagai seorang ahli mana-mana pihak berkuasa, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh membatalkan lantikan itu pada bila-bila masa dalam tempoh lantikan tersebut; dan

(c) seseorang yang bersara apabila habis tempohnya memegang jawatan adalah layak untuk dipilih semula atau dilantik semula jika dia layak.

(2) Keputusan suatu pihak berkuasa adalah sah walaupun terdapat sebarang kekosongan di kalangan ahli-ahlinya.

#### **Mesyuarat.**

25. (1) Pihak-pihak berkuasa hendaklah mengadakan mesyuarat pada masa dan di tempat sebagaimana yang mungkin ditetapkan atau ditentukan oleh pengerusi mereka masing-masing.

(2) Korum bagi mesyuarat mana-mana pihak berkuasa adalah dua pertiga daripada ahli-ahlinya atau sebagaimana yang ditetapkan oleh statut atau peraturan-peraturan.

(3) Semua mesyuarat mana-mana pihak berkuasa hendaklah dipengerusikan oleh pengerusinya masing-masing.

(4) Semasa ketiadaan pengerusi masing-masing dalam suatu mesyuarat, ahli-ahli yang hadir hendaklah memilih daripada kalangan mereka sendiri seorang ahli untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(5) Suatu ketetapan hendaklah dianggap telah diluluskan dalam suatu mesyuarat mana-mana pihak berkuasa jika —

(a) tanpa suatu mesyuarat, kebanyakan ahli menyatakan persetujuan dengan ketetapan itu menurut cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh pihak berkuasa tersebut; dan

(b) semua ahli diberitahu mengenai ketetapan yang dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah dibuat untuk memberitahu semua ahli mengenai ketetapan yang dicadangkan itu.

(6) Jika tidak kurang daripada 3 orang ahli meminta pengerusi dengan notis secara bertulis yang ditandatangani oleh mereka untuk mengadakan suatu mesyuarat pihak berkuasa mereka masing-masing bagi maksud yang dinyatakan



dalam notis tersebut, pengerusi itu hendaklah, dalam masa 7 hari dari menerima notis tersebut, mengadakan suatu mesyuarat bagi maksud itu.

(7) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini dan mana-mana statut atau peraturan, suatu keputusan dalam suatu mesyuarat mana-mana pihak berkuasa hendaklah diterima dengan kelebihan undi ahli-ahli yang hadir, kecuali sekiranya terdapat persamaan undi, pengerusi atau ahli yang mempengerusikan mesyuarat itu hendaklah mempunyai undi pemutus di samping undi asalnya.

**Kuasa untuk mengawalselia prosiding.**

26. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini dan mana-mana statut atau peraturan, suatu pihak berkuasa boleh mengawalselia prosidingnya sendiri pada amnya dan, khususnya, berhubung dengan pengadaán dan prosiding mesyuarat, notis yang akan diberikan mengenai mesyuarat itu, penyimpanan minit dan penjagaan, pengemukaan dan pemeriksaan minit itu, dan pembukaan dan penutupan akaun.

(2) Kesahan sebarang prosiding mana-mana pihak berkuasa tidaklah terjejas oleh sebarang kecacatan dalam lantikan mana-mana ahli atau oleh sebarang pelanggaran mana-mana ahli terhadap peruntukan-peruntukan atau Perintah ini, melainkan jika dinyatakan dengan nyata selainnya.

**BAHAGIAN V**

**STATUT-STATUT DAN PERATURAN-PERATURAN**

**Statut-statut.**

27. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini dan sebarang undang-undang bertulis yang lain, Canselor boleh, dari masa ke semasa, membuat statut Institut sebagaimana yang mungkin perlu atau mustahak bagi pentadbiran hal ehwal atau bagi melaksanakan tugas-tugas Institut.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna ceraiian (1), statut-statut boleh dibuat untuk menetapkan atau mengadakan peruntukan bagi semua atau sebarang perkara yang berikut –

(a) kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan pegawai Institut;

(b) cara-cara lantikan dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai, pensyarah-pensyarah dan kakitangan Institut tertakluk kepada peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang lain;

(c) penentuan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain yang akan dikurniakan oleh Institut;

- (d) pengurusan perpustakaan dan institut-institut penyelidikan;
- (e) semua perkara lain yang di bawah Perlembagaan ini boleh dikawalselia oleh statut;
- (f) keanggotaan, kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan prosedur pihak-pihak berkuasa Institut;
- (g) perkara-perkara yang bersampingan dengan atau berbangkit dari sebarang perkara yang tersebut di atas; dan
- (h) semua perkara di bawah kuasa Institut dan tidak diperuntukkan selainnya oleh Bahagian ini dalam Perlembagaan ini.

**Prosedur bagi membuat, meminda atau membatalkan statut-statut.**

28. (1) Cadangan untuk membuat mana-mana statut atau membatalkan atau meminda mana-mana statut, hendaklah disediakan oleh Majlis.

(2) Cadangan untuk membuat suatu statut baru, atau sebarang pindaan kepada suatu statut, berhubungan dengan sebarang perkara yang berikut —

- (a) keanggotaan, kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan prosedur Senat, Lembaga sesebuah Fakulti, Lembaga sesebuah Pusat atau Sekolah, atau Lembaga Kebajikan Pelajar atau mana-mana lembaga lain institusi;
- (b) penentuan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain yang akan dikurniakan oleh Institut;
- (c) syarat-syarat tempat tinggal dan kebajikan pelajar;
- (d) pengurusan perpustakaan; dan
- (e) semua perkara lain dalam bidang kuasa Senat di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana statut,

tidak boleh dikemukakan kepada Canselor sehingga cadangan tersebut telah dirujuk kepada Senat dan Senat telah melaporkan kepada Majlis pemerhatiannya tentang perkara itu.

**Peraturan-peraturan.**

29. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini dan statut-statut, peraturan-peraturan boleh dibuat bagi semua atau sebarang perkara yang berikut —

(a) prinsip-prinsip yang mengawal penganugerahan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain;

(b) bilangan dan skop peperiksaan;

(c) lantikan, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan pemeriksa dan perjalanan peperiksaan;

(d) penerimaan masuk pelajar dalam peperiksaan-peperiksaan dan kursus-kursus ijazah, diploma dan sijil Institut;

(e) syarat-syarat tempat tinggal dan kebajikan pelajar;

(f) fee yang akan dikenakan bagi kursus-kursus atau program-program pengajian, tempat tinggal, memasuki peperiksaan yang membawa kepada penganugerahan ijazah, diploma dan sijil dan sebarang fee lain yang boleh dikenakan oleh Institut;

(g) pengurusan dewan kuliah dan makmal;

(h) keanggotaan, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan mana-mana Lembaga, jawatankuasa atau badan lain yang tidak diperuntukkan secara khusus dalam Perlembagaan ini atau oleh Statut;

(i) semua perkara yang menurut Perlembagaan ini atau mana-mana statut boleh ditetapkan oleh peraturan-peraturan; dan

(j) semua perkara di bawah kuasa Institut dan tidak diperuntukkan selainnya oleh Bahagian ini dalam Perlembagaan ini.

**Prosedur bagi membuat, meminda atau membatalkan peraturan-peraturan.**

30. (1) Majlis boleh, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan bab ini, meminda sebarang peraturan.

(2) Rang sebarang peraturan berhubungan dengan sebarang perkara dalam bidang kuasa Senat hendaklah dicadangkan oleh Senat; dan Majlis boleh meluluskan rang tersebut atau merujukkannya balik kepada Senat berserta dengan pemerhatian atau cadangan untuk pindaan.

**Peraturan-peraturan bagi prosedur Majlis dan Senat.**

31. (1) Majlis dan Senat masing-masing boleh membuat peraturan-peraturan bagi prosedurnya sendiri.

(2) Majlis boleh membuat peraturan-peraturan bagi prosedur Lembaga Pemilihan.

(3) Senat boleh membuat peraturan-peraturan bagi prosedur Lembaga sesebuah Fakulti, Pusat atau Sekolah atau mana-mana lembaga atau jawatankuasa lain tertakluk kepada bidang kuasa Senat.

(4) Senat boleh membuat peraturan-peraturan yang menetapkan kursus-kursus pengajian atau sukatan pelajaran atau peperiksaan.

(5) Peraturan-peraturan boleh dibuat oleh suatu pihak berkuasa jika pihak berkuasa itu diberi kuasa demikian oleh Perlembagaan ini atau mana-mana statut.

**Peruntukan-peruntukan tatatertib.**

32. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan bab 27, 29 dan 31, statut-statut atau peraturan-peraturan boleh dibuat untuk mengadakan peruntukan bagi tatatertib kakitangan dan pelajar-pelajar Institut.

**Penyiaran statut dan peraturan.**

33. (1) Apabila mana-mana statut atau peraturan baru dibuat atau dipinda, tiap-tiap statut, peraturan atau pindaan tersebut hendaklah disiarkan dalam Buletin Institut dan dalam bentuk atau dalam sebarang penerbitan Institut sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Naib Canselor.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh dikenakan kepada —

(a) mana-mana peraturan yang hanya mengandungi arahan kepada pemeriksa atau penyelia peperiksaan atau butir-butir berkenaan dengan kursus-kursus pengajian atau sukatan pelajaran atau peperiksaan;

(b) mana-mana statut atau peraturan yang menurut ketetapan Majlis tidak akan disiarkan.

**Ketidakselarasan antara Perlembagaan, statut-statut dll.**

34. Sekiranya —

(a) mana-mana statut tidak selaras dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini; atau

(b) mana-mana peraturan tidak selaras dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini; atau mana-mana statut,

maka peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini atau statut itu, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah terpakai, dan statut atau peraturan itu, mengikut mana yang berkenaan, adalah terbatal setakat ketidakselarasan itu.

## BAHAGIAN VI

### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

#### **Jawatankuasa Tetap Kewangan.**

35. Majlis hendaklah melantik Jawatankuasa Tetap Kewangan bagi mengawalselia dan mengawal kewangan Institut.

#### **Menyediakan anggaran dan tahun kewangan.**

36. (1) Adalah menjadi kewajipan Bendahari untuk menyediakan, dengan berunding dengan Pendaftar dan Setiausaha, anggaran pendapatan dan perbelanjaan Institut bagi setiap tahun kewangan untuk pertimbangan Naib Canselor dan untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Tetap Kewangan.

(2) Bagi maksud-maksud Bahagian ini dalam Perlembagaan ini, tahun kewangan adalah tahun kalendar atau tempoh lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis.

(3) Akaun Institut hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, diimbangkan bagi tahun kewangan yang lalu dan suatu penyata tahunan atau cabutannya hendaklah disediakan dalam bentuk dan dengan maklumat sebagaimana yang mungkin diarahkan dari masa ke semasa oleh Majlis.

#### **Anggaran tahunan.**

37. (1) Anggaran pendapatan dan perbelanjaan terperinci Institut bagi mana-mana tahun kewangan yang diluluskan oleh Majlis hendaklah dikemukakan sebelum bermulanya tahun kewangan tersebut kepada Menteri Kewangan untuk dihadapkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi mendapatkan titah perkenan Baginda.

(2) Satu salinan rang anggaran yang disediakan oleh Jawatankuasa Tetap Kewangan untuk dikemukakan kepada Majlis hendaklah diserahkan kepada setiap ahli Majlis tidak kurang dari 7 hari kerja sebelum tarikh yang ditetapkan bagi mesyuarat Majlis yang diadakan bagi maksud meluluskan anggaran tersebut.

(3) Majlis boleh atas budi bicaranya meluluskan, mengubahsuai atau menolak semua atau sebarang butiran yang terdapat dalam rang anggaran tersebut atau merujukkan balik sebarang butiran kepada Jawatankuasa Tetap Kewangan untuk pertimbangannya atau menambah sebarang butiran dalam rang anggaran tersebut.

**Anggaran tambahan.**

38. Majlis boleh meluluskan anggaran tambahan sebagaimana yang mungkin dikehendaki bagi mana-mana tahun kewangan untuk dihadapkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, melalui Menteri Kewangan, untuk mendapatkan titah perkenan Baginda, yang menunjukkan sumber-sumber, jika ada, yang daripadanya mana-mana bahagian dari anggaran tambahan itu boleh dibayar.

**Tiada perbelanjaan boleh dilakukan melainkan jika termasuk dalam anggaran.**

39. (1) Majlis tidak boleh melakukan sebarang perbelanjaan yang tidak termasuk dalam sebarang anggaran yang diluluskan dengan syarat bahawa, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, Majlis boleh memindahkan semua atau mana-mana bahagian wang yang diperuntukkan —

(a) bagi satu butiran perbelanjaan tahunan yang berulang-ulang kepada satu butiran lain perbelanjaan tahunan yang berulang-ulang;

(b) bagi satu butiran perbelanjaan modal kepada satu butiran lain perbelanjaan modal.

(2) Peruntukan-peruntukan ceraiian (1) tidak boleh dikenakan kepada —

(a) wang-wang yang didepositkan dengan Institut oleh mana-mana orang, jika menurut syarat-syarat deposit tersebut sebarang jumlah wang tersebut telah genap masanya dibayar balik;

(b) wang-wang yang dipungut dan tersilap dikreditkan kepada dana Institut;

(c) wang-wang yang kena dibayar oleh Institut di bawah sebarang penghakiman atau perintah mahkamah;

(d) wang-wang yang dibelanjakan oleh Institut bagi memulakan atau membuat pembelaan dalam prosiding undang-undang; dan

(e) perbelanjaan yang berbangkit dari sebarang harta atau wang yang disebut dalam bab 41.

**Bentuk anggaran.**

40. Anggaran tahunan dan tambahan hendaklah disediakan dalam bentuk dan hendaklah mengandungi maklumat sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Majlis.

**Kuasa Majlis untuk menerima pemberian dll.**

41. (1) Majlis boleh bagi pihak Institut menerima sebagai pemberian, bantuan, wakaf, pemberian berwasiat atau pun selainnya, harta dan wang-wang untuk kewangan Institut atas syarat-syarat sebagaimana mungkin ditentukan olehnya.

(2) Bendahari hendaklah menyimpan dan menyelenggara daftar-daftar semua derma yang diberikan kepada Institut, termasuk nama-nama penderma dan sebarang syarat khas yang atasnya sebarang derma mungkin telah diberikan.

**Harta yang diberikan bagi maksud-maksud tertentu hendaklah dimasukkan dalam akaun yang berasingan.**

42. Semua harta, wang atau dana yang diberikan bagi sebarang maksud tertentu hendaklah digunakan dan ditadbir menurut maksud-maksud yang kerananya harta, wang atau dana tersebut mungkin telah diberikan dan hendaklah dimasukkan dalam akaun yang berasingan.

**Bentuk kontrak.**

43. Sebarang kontrak yang melibatkan perbelanjaan lebih dari \$1,000 oleh Institut hendaklah dibuat secara bertulis, ditandatangani bagi pihak Institut oleh seorang yang bertindak dengan kuasa yang nyata atau tersirat Institut —

Dengan syarat bahawa sebarang kontrak (selain dari suatu kontrak yang disebut dalam bab 55(2)) yang melibatkan perbelanjaan lebih dari \$25,000 oleh Institut, dan sebarang kontrak yang jika dibuat di antara orang-orang persendirian adalah dikehendaki oleh undang-undang untuk dimeterai, hendaklah disempurnakan dengan membubuh meterai biasa Institut pada kontrak tersebut.

**Dividen dilarang.**

44. Tiada dividen atau bonus boleh dibayar dan tiada pemberian atau pembahagian wang boleh dibuat oleh atau bagi pihak Institut kepada atau di kalangan mana-mana ahlinya kecuali sebagai hadiah, ganjaran atau pemberian khas atau sebagai sebahagian dari syarat-syarat perkhidmatan kakitangan Institut.

**Audit.**

45. (1) Akaun Institut hendaklah diaudit pada tiap-tiap tahun oleh —

(a) Juruaudit Agung; atau

(b) mana-mana orang yang telah dibenarkan untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki oleh Akta Syarikat (Penggagal 39) untuk dilaksanakan oleh seorang juruaudit, yang akan dilantik pada tiap-tiap tahun oleh Majlis —

Dengan syarat bahawa jika akaun Institut telah diaudit oleh seseorang yang dilantik di bawah perenggan (b), akaun itu boleh disahkan oleh Juruaudit Agung sebelum ia dikemukakan kepada Menteri Kewangan menurut ceraihan (2).

(2) Akaun yang telah diaudit itu, berserta dengan sebarang pemerhatian yang dibuat mengenainya oleh juruaudit-juruaudit, hendaklah dikemukakan kepada Menteri Kewangan tidak lewat dari 4 bulan selepas penghujung tahun kewangan.

## BAHAGIAN VII

### PELAJAR-PELAJAR INSTITUT

**Penerimaan masuk pelajar.**

46. Seseorang pelajar tidak boleh diterima masuk untuk mengikuti sebarang kursus pengajian di Institut melainkan jika dia telah memenuhi kehendak-kehendak kemasukan yang ditetapkan bagi kursus pengajian itu.

**Persatuan Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar.**

47. (1) Pelajar-pelajar berdaftar Institut, selain daripada pelajar-pelajar luar dan pelajar-pelajar bukan ijazah, hendaklah menubuhkan suatu badan yang akan dikenali sebagai Persatuan Pelajar Institut Teknologi Brunei, dalam Bahagian ini disebut sebagai Persatuan Pelajar.

(2) Persatuan Pelajar, badan-badan konstituen dan badan-badan pelajarannya hendaklah dikawal dan ditadbir menurut peruntukan-peruntukan yang ditetapkan oleh statut atau peraturan-peraturan atau perlembagaannya masing-masing dengan syarat bahawa tiada perlembagaan atau pindaannya itu boleh berkuatkuasa melainkan jika dan sehingga diluluskan oleh Majlis.

(3) Majlis boleh mengenakan dan memungut daripada pelajar-pelajar berdaftar dan mana-mana golongan pelajar yang lain fee sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Naib Canselor untuk faedah Persatuan Pelajar dan



badan-badan konstituennya, dan fee tersebut boleh digunakan mengikut cara sebagaimana difikirkan patut oleh Majlis bagi maksud Persatuan Pelajar dan badan-badan konstituennya.

(4) Bagi maksud bab ini, "pelajar berdaftar" bermakna seseorang pelajar yang sedang mengikuti suatu kursus sepenuh masa yang membawa kepada suatu ijazah, suatu diploma atau suatu sijil dengan syarat bahawa seseorang pelajar itu terhenti daripada menjadi pelajar berdaftar bagi maksud bab ini jika dia telah lulus peperiksaan akhir kursusnya untuk mendapatkan ijazah, diploma atau sijil melainkan jika Naib Canselor membenarkan secara bertulis bahawa pelajar itu, jika dia adalah seorang ahli Majlis Perwakilan Pelajar, boleh terus menjadi seorang pelajar berdaftar dalam makna bab ini sehingga pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar yang baru pada tahun akademik yang berikutnya atau bagi tempoh yang lebih pendek sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Naib Canselor.

**Penubuhan badan pelajar lain.**

48. (1) Dengan tidak menghiraukan bab 47, adalah sah bagi tidak kurang daripada 10 orang pelajar berdaftar Institut, dengan kebenaran Majlis terlebih dahulu dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis, untuk menubuhkan suatu badan pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar Institut bagi menggalakkan sesuatu matlamat atau kepentingan tertentu di dalam Institut.

(2) Majlis boleh, atas nasihat Naib Canselor, menghendaki mana-mana badan pelajar yang ditubuhkan di bawah bab ini untuk bergabung dengan Persatuan Pelajar tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis.

**Perbuatan yang dilakukan oleh pelajar terhadap Perlembagaan, statut atau peraturan Institut.**

49. Jika seseorang pelajar Institut berkelakuan dengan cara yang, pada pendapat Naib Canselor, boleh merosakkan atau memudaratkan kesejahteraan atau reputasi Institut atau melakukan perbuatan yang menyalahi perlembagaan atau mana-mana statut atau peraturan Institut, maka pelajar itu hendaklah dikenakan hukuman tatatertib sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Naib Canselor atau di bawah peraturan-peraturan tatatertib Institut.

**Perbuatan *ultra vires* yang dilakukan oleh badan pelajar terhadap perlembagaannya sendiri, Perlembagaan, statut, atau peraturan Institut.**

50. Jika Persatuan Pelajar atau Majlis Perwakilan Pelajar atau suatu badan pelajar yang ditubuhkan di bawah bab 48 berkelakuan dengan cara yang, pada pendapat Naib Canselor, boleh merosakkan atau memudaratkan kesejahteraan atau reputasi Institut atau melakukan perbuatan yang menyalahi Perlembagaan

atau perlembagaannya sendiri atau mana-mana statut atau peraturan, maka Naib Canselor boleh menggantung dan Majlis boleh, atas nasihat Naib Canselor, membubarkan Persatuan Pelajar atau Majlis Perwakilan Pelajar atau badan pelajar itu, mengikut mana yang berkenaan; dan tiap-tiap pemegang jawatan dalam Majlis Perwakilan Pelajar atau badan pelajar tersebut, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikenakan hukuman tatatertib sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis atau di bawah peraturan-peraturan tatatertib Institut.

**Penggantungan dan pemecatan pelajar yang dituduh melakukan kesalahan jenayah atau terhadapnya kesalahan jenayah dibuktikan.**

51. (1) Jika seseorang pelajar Institut dituduh melakukan suatu kesalahan jenayah, dia hendaklah dengan serta-merta selepas itu digantung daripada menjadi seorang pelajar Institut.

(2) Jika sesebuah mahkamah mendapati bahawa suatu pertuduhan atas suatu kesalahan jenayah dibuktikan terhadap seseorang pelajar Institut, pelajar itu hendaklah dengan serta-merta selepas itu terhenti daripada menjadi seorang pelajar Institut.

(3) Naib Canselor boleh atas budi bicara mutlakanya, pada bila-bila masa dan dalam sebarang kes tertentu, mengecualikan seseorang pelajar itu daripada pengenaan peruntukan-peruntukan ceraihan (1) atau (2), mengikut mana yang berkenaan, sama ada tanpa syarat atau atas syarat-syarat atau bagi tempoh sebagaimana yang dianggap patut oleh Naib Canselor.

**Penguasa tatatertib berkaitan dengan pelajar.**

52. (1) Penguasa tatatertib Institut berkaitan dengan tiap-tiap pelajar Institut adalah Timbalan Naib Canselor atau, jika ada lebih daripada seorang Timbalan Naib Canselor, salah seorang daripada mereka yang mungkin dinamakan oleh Naib Canselor atau, jika tidak ada Timbalan Naib Canselor, anggota kakitangan atau pegawai Institut yang mungkin dinamakan oleh Naib Canselor sebagai penguasa tatatertib.

(2) Timbalan Naib Canselor boleh mewakilkan sebarang tugas, kuasa atau kewajipan tatatertibnya kepada suatu lembaga yang terdiri daripada anggota kakitangan atau pegawai-pegawai Institut atau kepada mana-mana anggota kakitangan atau pegawai Institut dengan syarat bahawa Timbalan Naib Canselor hendaklah mempunyai kuasa untuk mengkaji semula, membatalkan atau mengubah sebarang keputusan atau pendapat lembaga atau anggota kakitangan atau pegawai Institut yang diwakilkan dengan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan tatatertib tersebut.

BAHAGIAN VIII

AM

**Konvokesyen.**

53. (1) Konvokesyen bagi penganugerahan ijazah, diploma dan sijil hendaklah diadakan pada tiap-tiap tahun, atau seberapa kerap yang mungkin diarahkan oleh Canselor, pada suatu tarikh sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Canselor.

(2) Semasa ketiadaan Canselor atau Pro-Canselor yang diberi kuasa bagi maksud ini oleh Canselor, Naib Canselor hendaklah mempengerusikan Konvokesyen.

(3) Prosedur Konvokesyen hendaklah ditetapkan oleh statut.

**Peruntukan-peruntukan tata tertib dan penguasa tata tertib berkaitan dengan kakitangan Institut.**

54. (1) Tertakluk kepada cerai (4), penguasa tata tertib Institut berkaitan dengan tiap-tiap anggota kakitangan Institut adalah Jawatankuasa Tata tertib Institut yang terdiri daripada —

(a) 2 orang ahli Majlis yang dipilih oleh Majlis, salah seorang daripadanya hendaklah dilantik oleh Majlis sebagai pengerusi; dan

(b) Naib Canselor.

(2) Pada menjalankan tugas-tugas tata tertibnya, Jawatankuasa Tata tertib hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tata tertib dan mengenakan hukuman tata tertib sebagaimana yang mungkin diperuntukkan di bawah mana-mana statut atau peraturan.

(3) Jawatankuasa Tata tertib boleh mewakilkan sebarang tugas, kuasa atau kewajipan tata tertibnya kepada mana-mana anggota kakitangan atau pegawai Institut atau mana-mana lembaga yang terdiri daripada anggota kakitangan atau pegawai-pegawai Institut, berkaitan dengan mana-mana anggota kakitangan atau pegawai Institut yang tertentu atau berkaitan dengan mana-mana golongan atau kategori anggota kakitangan atau pegawai-pegawai Institut dengan syarat bahawa —

(a) anggota kakitangan atau pegawai Institut atau lembaga yang diwakilkan dengan tugas-tugas, kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipan tersebut hendaklah melaksanakan, menjalankan dan menunaikan tugas-tugas, kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipan tersebut di bawah arahan dan kawalan Jawatankuasa Tata tertib yang mempunyai kuasa untuk mengkaji

semula, membatalkan atau mengubah sebarang keputusan atau pendapat anggota kakitangan atau pegawai atau lembaga tersebut; dan

(b) tiada sebarang perwakilan boleh dibuat di bawah ceraiian ini bagi membolehkan seseorang anggota kakitangan atau pegawai Institut untuk menjalankan sebarang kuasa tatatertib atau menjadi seorang ahli suatu lembaga yang boleh menjalankan sebarang kuasa tatatertib ke atas seseorang anggota kakitangan atau pegawai yang pangkatnya lebih tinggi daripadanya.

(4) Jawatankuasa Tatatertib tidak mempunyai bidang kuasa berkaitan dengan Canselor, Pro-Canselor atau Naib Canselor.

(5) Mana-mana anggota kakitangan Institut yang tidak berpuas hati dengan keputusan penguasa tatatertib yang disebutkan dalam bab ini boleh merayu terhadap keputusan tersebut kepada Majlis Institut yang boleh memberi keputusan mengenainya sebagaimana yang dianggapnya patut.

#### **Lantikan pensyarah dan pekerja.**

55. (1) Semua orang yang diambil bekerja atau hendak diambil bekerja oleh Institut selain daripada orang-orang yang disebutkan dalam bab-bab 7 hingga 10 hendaklah, melainkan jika dilantik selainnya dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, dilantik oleh Majlis.

(2) Tiap-tiap orang yang diambil bekerja oleh Institut hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini atau mana-mana statut atau peraturan, memegang jawatan atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Majlis dan syarat-syarat yang akan ditetapkan itu hendaklah dianggap termasuk suatu peruntukan —

(a) berkenaan dengan kewajipan mengajar, memeriksa, menyelia dan kewajipan lain yang seumpamanya, bahawa pengambilan kerjanya adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini dan peruntukan-peruntukan semua statut dan peraturan yang dipinda dari masa ke semasa; dan

(b) berkenaan dengan semua syarat perkhidmatan yang lain bahawa pengambilan kerjanya adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini dan peruntukan-peruntukan semua statut dan peraturan yang berkuatkuasa pada tarikh dia mula bekerja.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh menghalang Majlis daripada membuat suatu penyusunan di bawah kontrak khas dengan seseorang yang hendak diambil bekerja oleh Institut jika pada pendapat Majlis mustahak untuk berbuat demikian.

Semua lantikan hendaklah tertakluk kepada Perintah ini dan sebarang undang-undang tambahan di bawahnya.

56. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan bab 55 atau sebarang peruntukan lain Perlembagaan ini, tiap-tiap orang yang diambil bekerja oleh Institut hendaklah memegang jawatan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini dan sebarang undang-undang tambahan yang dibuat di bawahnya dan syarat-syarat pengambilan kerja atau lantikannya hendaklah dianggap termasuk suatu peruntukan bagi maksud ini.

**Kuasa untuk mewakilkan.**

57. (1) Jika menurut peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini atau mana-mana statut atau peraturan mana-mana pegawai atau badan diberi kuasa untuk menjalankan sebarang kuasa atau melaksanakan sebarang kewajipan, maka pegawai atau badan itu boleh dengan suratcara secara bertulis tertakluk kepada peruntukan-peruntukan bab ini dan syarat-syarat dan sekatan-sekatan sebagaimana yang mungkin ditetapkan dalam surat suratcara itu, mewakilkan perjalanan kuasa-kuasa tersebut atau pelaksanaan kewajipan-kewajipan tersebut kepada mana-mana badan atau mana-mana jawatankuasa atau mana-mana orang yang dinyatakan dalam suratcara itu dengan nama atau jawatannya.

(2) Suatu perwakilan di bawah bab ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh pegawai atau badan yang membuat perwakilan itu.

(3) Tiada perwakilan sebarang kuasa atau kewajipan di bawah bab ini boleh menjejaskan perjalanan kuasa tersebut atau pelaksanaan kewajipan tersebut oleh pegawai atau badan yang membuat perwakilan itu.

(4) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh dikenakan kepada sebarang kuasa untuk membuat atau meluluskan statut-statut atau peraturan-peraturan.

**Perlucutan ijazah dll. atas alasan salah laku.**

58. Jika mana-mana ahli suatu pihak berkuasa, atau mana-mana siswazah Institut, atau mana-mana orang yang telah mendapat ijazah, diploma atau sijil atau kepujian akademik lain daripada Institut, disabitkan oleh sesebuah mahkamah atas sebarang kesalahan berat sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam, atau pada pendapat Majlis adalah bersalah kerana melakukan perbuatan skandal, maka adalah sah bagi Canselor, atas sokongan tidak kurang dari dua pertiga daripada semua ahli Majlis —

(a) untuk memecatnya daripada menjadi ahli pihak berkuasa itu; atau

(b) untuk melucutkan sebarang ijazah, diploma, sijil atau kepujian akademik lain yang telah diberikan kepadanya oleh Institut.

**Pertikaian tentang pemilihan hendaklah diputuskan oleh Canselor.**

59. Jika sebarang persoalan timbul sama ada mana-mana orang telah sempurna dipilih, dilantik, dinamakan atau diko-opt untuk menjadi ahli atau berhak menjadi atau kekal menjadi ahli mana-mana pihak berkuasa atau badan lain di Institut, maka persoalan tersebut hendaklah dirujuk kepada Canselor, dan keputusan Canselor mengenainya adalah muktamad.

Diperbuat pada hari ini 19 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1431 bersamaan dengan 27 haribulan Oktober, 2010 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**